



## NGO desak ketatkan undang-undang lindungi alam sekitar

**KUALA LUMPUR** - Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka) menggesa kerajaan agar memperketatkan undang-undang sedia ada bagi melindungi khazanah alam Malaysia.

Presiden Peka, Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, undang-undang baharu perlu diperkenalkan, contohnya mewajibkan pihak pemegang konsesi balak menanam semula setiap pokok balak yang ditebang.

Katanya, pihak kerajaan tidak boleh memandang remeh isu ini dan perlu mengambil tindakan keras terhadap penjenayah alam sekitar yang sewenang-



SHARIFFAH SABRINA



ZULKIFLI

wenangnya mengaut keuntungan tanpa membantu semula proses pemuliharaan alam sekitar.

“Akta yang sedia ada perlu diperketatkan atau dikaji semula, supaya undang-undang ini dapat membantu kita memelihara alam sekitar daripada terus diperkosa.

“Kos pemuliharaan alam sekitar seperti menanam semula pokok-pokok balak yang ditebang itu tidak memerlukan kos yang tinggi berbanding keuntungan berjuta yang diraih mereka daripada pembalakan,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!*

Sementara itu, Pegawai Luar Sahabat Alam Malaysia, Zulkifli Yusof berkata, pihak kerajaan perlu memansuhkan lesen balak buat sementara waktu supaya dapat memberi ruang bagi proses pemuli-

haraan hutan.

Tambahnya, pembalakan yang tidak terkawal oleh pemegang konsesi balak kadangkala menyebabkan penanaman anak pokok balak tergendala dan tidak dapat tumbuh sehingga dewasa.

“Kita mahu pihak kerajaan memansuhkan lesen balak untuk tempoh 10 tahun supaya dapat memberi masa bagi proses penanaman semula pokok-pokok balak.

“Jika ia tidak dimansuhkan, akan ada pihak yang tidak bertanggungjawab melakukan pembalakan sehingga membantutkan proses pemuliharaan pokok balak,” ujarnya.